

10 OCT 2000

Muhyiddin-Umno

PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN A MUNGKIN DIBENARKAN BERTANDING DALAM UMNO

MUAR, 10 Okt (Bernama) -- Pegawai kerajaan Kumpulan A mungkin akan dibenarkan bertanding mana-mana jawatan dalam Umno di peringkat cawangan dan bahagian jika peruntukan dibuat dalam cadangan pindaan perlembagaan Umno, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata terdapat banyak cadangan daripada bahagian-bahagian berhubung pindaan perlembagaan itu yang mahukan pegawai kerajaan Kumpulan A dibenarkan bertanding bagi merebut mana-mana jawatan dalam Umno.

"Kalau MT (Majlis Tertinggi) hendakkan itu (membenarkan pegawai Kumpulan A bertanding), kita ada cara untuk meminda sedikit dalam fasal perlembagaan untuk tidak menghalang pegawai-pegawai perkhidmatan awam Kumpulan A memegang jawatan," kata beliau.

Muhyiddin, yang dipertanggungjawabkan oleh MT untuk mengumpulkan cadangan-cadangan dari seluruh negara berhubung cadangan pindaan perlembagaan Umno itu, bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat khas kepada pegawai khas penerangan Jabatan Penerangan Johor di sini.

Katanya ramai anggota Umno berpendapat bahawa kelonggaran harus diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan Kumpulan A untuk bergiat aktif dalam parti.

Ketika ditanya sama ada langkah yang akan diambil oleh Umno itu bercanggah dengan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bahawa pegawai kerajaan Kumpulan A tidak boleh aktif dalam politik, beliau berkata: "Itu terserahlah. Bagi saya tidak ada apa-apa."

"Ini ada kaitan dengan Chapter D Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi Umno bukan pentadbiran awam tetapi parti politik," katanya.

Menurutnya ramai di kalangan orang Melayu yang memegang jawatan kerajaan mahu berkhidmat dalam Umno dan jika mereka diberi kelonggaran bertanding dan menang pula, seseorang pegawai kerajaan itu boleh membuat pilihan sama ada hendak memegang jawatan dalam kerajaan atau dalam parti.

"Soalnya sekarang ialah kita halang mereka dari awal. Ramai pegawai Kumpulan A yang berminat untuk bertanding dan aktif dalam parti. Kalau mereka kalah, tidak ada ceritalah," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai pendapat peribadinya berhubung soal itu, Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata Umno sememangnya mahukan pegawai yang profesional dan berpengalaman untuk menjadi penyumbang demi kebaikan parti.

"Saya sendiri adalah produk daripada pegawai kerajaan dulu. Ramai juga pegawai tadbir dalam parti pernah memegang jawatan dalam kerajaan tetapi waktu itu parti tidak menghalang (pegawai Kumpulan A aktif berpolitik).

"Sekarang ada sekatan. Kalau mereka hendak menjadi pencadang (kepada calon) pun tidak boleh dan dihalang oleh parti. Kalau kita longgarkan, biarlah kita bagi peluang kepada mereka," kata Muhyiddin.

Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno itu berkata beliau akan menyerahkan semua cadangan termasuk berhubung pegawai kerajaan Kumpulan A itu kepada MT sebelum pembentangan cadangan pindaan perlembagaan Umno pada perhimpunan agung khas parti November ini.

Sebelum itu, beliau akan melaporkan cadangan-cadangan yang diterima kepada mesyuarat jawatankuasa pengurusan Umno esok yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan berjumpa dengan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya.

-- BERNAMA

MKO RON